



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Bertam

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YANG BERBAHAGIA

PROF. TS. DR. SALMIAH KASOLANG

REKTOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

SEMPENA

BENGKEL HOME MANAGER AND MATERNITY

DI

HOMPTON BEACH HOTEL, PENANG

PADA

14 MARCH 2022 / 11 SHA'BAN 1443

(ISNIN)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَحْمَمِيْنَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

- 1. Yang Berhormat Puan Nor Hafizah bt. Othman**
ADUN Permatang Berangan
- 2. TBD**
Unit Penyelarasian Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
- 3. Yang Berusaha Dr. Mohd Subri bin Tahir**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Pulau Pinang
- 4. Yang Berusaha Ts. Dr. Wan Ismahanisa binti Ismail**
Ketua Pusat Pengajian dan Pengurus Projek
Fakulti Sains Kesihatan
UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam
- 5. Yang Berusaha Barisan Ahli Pengurusan dan wakil-wakil dari**
Pusat Perkhidmatan ADUN Permatang Berangan, Jabatan Perdana Menteri, UiTM Cawangan Pulau Pinang, dan lain-lain organisasi.
- 6. Ahli Jawatankuasa Program, Rakan-rakan media.**
- 7. Seterusnya peserta-peserta yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Keluarga Malaysia

Salam Keluarga UiTM

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama **memanjatkan kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T.** kerana dengan limpah dan kurniaNya serta peluang yang diberikan kepada kita untuk mengadakan majlis pelancaran Bengkel Home Manager and Maternity bersama ADUN Permatang Berangan dan Jabatan Perdana Menteri pada hari ini. Syabas dan tahniah semua warga kerja.

2. Dikesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan atas kehadiran semua ke program ini terutamanya kami amat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Berhormat Pn. Nor Hafizah bt. Othman, ADUN Permatang Berangan.**

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Bengkel Home Manager and Maternity ini adalah program jangka sederhana bagi **menyediakan pekerja separa mahir dalam bidang pengurusan rumah tangga dan penjagaan ibu dan anak selepas bersalin.** Terdapatnya keperluan perkhidmatan ini terutamanya kepada keluarga yang tidak mempunyai sumber yang cukup untuk mengendalikan pelbagai tanggungjawab di rumah. Perkongsian kemahiran yang boleh mewujudkan perkhidmatan ini selari dengan **Tema Kedua Rancangan Malaysia Ke-12** di mana salah satu bidang keutamaan adalah mencapai kesaksamaan keberhasilan bumiputera. Selain itu, bengkel hari ini juga diselaraskan dengan **United Nations Sustainable Development Goals atau Matlamat Pembangunan Lestari yang ke lapan** iaitu pekerjaan stabil dan pertumbuhan ekonomi. Justeru, UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama Unit Penyelarasaran Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri turut menyahut aspirasi untuk memberi kemahiran yang boleh membantu penduduk Pulau Pinang untuk menyediakan perkhidmatan tersebut.

4. Untuk makluman semua, titik permulaan bagi bengkel hari ini bermula sejak tahun lepas semasa negara kita dilanda dengan pandemik COVID19 serta melalui beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan di mana UiTM Cawangan Pulau Pinang bekerjasama dengan **Kementerian Kesihatan Malaysia, Unit Kejururawatan Jabatan Kesihatan Negeri, dan pensyarah Fakulti Sains Kesihatan UiTM** telah merangka pengisian bengkel. Perbincangan telah dilakukan untuk menyediakan sijil yang boleh digunakan oleh peserta bengkel

untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan rumah tangga dan penjagaan ibu dan anak selepas bersalin yang professional kepada komuniti setempat di Pulau Pinang.

5. Harapannya, semoga Bengkel Home Manager and Maternity ini menjadi **projek rintis** dan berterusan untuk berkongsi kemahiran yang berguna kepada warga Pulau Pinang. Terima kasih Unit Penyelarasaran Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri yang sentiasa komited membantu pihak UiTM Cawangan Pulau Pinang. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan dan ditingkatkan pada masa hadapan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian

6. Akhir kata, **sekalung penghargaan dan terima kasih, ikhlas daripada pihak pengurusan UiTM amnya dan UiTM Cawangan Pulau Pinang** khususnya kepada semua yang menjayakan program pelancaran pada hari ini. Setinggi-tinggi penghargaan sekali lagi kepada Yang Berbahagia Puan Nor Hafizah bt. Othman, ADUN Permatang Berangan atas kesudian bertandang ke UiTM Cawangan Pulau Pinang, begitu juga buat semua wakil-wakil daripada Unit Penyelarasaran Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain organisasi yang turut hadir memeriahkan lagi majlis ini.

7. Didoakan kesejahteraan dan dikurniakan rezeki yang melimpah ruah dari Yang Maha Esa. InsyaAllah. Jadikan pertemuan ini sebagai pertemuan yang membawa keberkatan-Nya kepada kehidupan kita yang lebih baik pada hari esoknya. InsyaAllah. Moga jambatan dan jaringan yang terbina ini terus berkekalan dan memberikan kebaikan kepada semua. **Usaha, Takwa, Mulia.**

8. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum
Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.